



**NOTIS PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
SIDANG AKADEMIK 2022/2023**

Selaras dengan Seksyen 70 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia (P.U.(A) 220) adalah dengan ini secara rasmi diisytiharkan bahawa Universiti Sains Malaysia (USM) menetapkan tarikh 2 Disember 2022 (Jumaat) sebagai Hari Pemilihan proses Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Sidang Akademik 2022/2023 bagi menduduki **tiga puluh lima (35)** Konstituensi Pusat-Pusat Pengajian dan **sepuluh (10)** kerusi Konstituensi Umum secara dalam talian sepenuhnya seperti berikut:

KERUSI		BILANGAN KERUSI	
I	KONSTITUENSI PUSAT PENGAJIAN		
	(A) KERUSI IJAZAH PERTAMA		
	1	Sains Kimia	1
	2	Sains Kajihayat	1
	3	Sains Matematik	1
	4	Sains Fizik	1
	5	Ilmu Kemanusiaan	2
	6	Ilmu Pendidikan	2
	7	Sains Kemasyarakatan	2
	8	Pengurusan	2
	9	Komunikasi	1
	10	Seni	1
	11	Perumahan, Bangunan & Perancangan	1
	12	Teknologi Industri	1
	13	Sains Farmasi	1
	14	Sains Komputer	1
	15	Bahasa, Literasi & Terjemahan	1
	16	Sains Perubatan	2
	17	Sains Kesihatan	2
	18	Sains Pergigian	1
	19	Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	1
	20	Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral	1
	21	Kejuruteraan Mekanik	1
	22	Kejuruteraan Awam	1

	23	Kejuruteraan Kimia	1
	24	Kejuruteraan Aeroangkasa	1
JUMLAH			30
(B) KERUSI IJAZAH TINGGI			
	1	Kampus Induk	3
	2	Kampus Kejuruteraan	1
	3	Kampus Kesihatan	1
JUMLAH			5

II	KONSTITUENSI UMUM		BILANGAN KERUSI
	1	Kampus Induk (Ijazah Pertama)	6
	2	Kampus Kejuruteraan (Ijazah Pertama)	1
	3	Kampus Kesihatan (Ijazah Pertama)	1
	4	Kampus KLE India (Ijazah Pertama)	1
	5	Ijazah Tinggi (Ketiga-tiga Kampus)	1
JUMLAH			10
JUMLAH KESELURUHAN			45

Pemilihan bagi sepuluh (10) buah kerusi Konstituensi Umum dibahagi seperti berikut:

(a) Ijazah Pertama

Bil.	KAMPUS	JUMLAH KERUSI
1.	Kampus Induk	6
2.	Kampus Kejuruteraan	1
3.	Kampus Kesihatan	1
4.	USM-KLE India	1
JUMLAH		9

(b) Ijazah Tinggi

Bil.	KAMPUS	BILANGAN KERUSI
1.	Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan	1

BORANG PENAMAAN CALON

Pelajar-pelajar berdaftar sepenuh masa yang layak dan berminat untuk menjadi calon Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia Sidang Akademik 2022/2023, boleh memuat turun Borang Penamaan Calon di Menu Muat Turun Laman Web BHEPA hepa.usm.my bermula pada 21 November 2022 (Isnin).

Pelajar-pelajar diberi masa selama tujuh (7) hari untuk mengisi Borang Penamaan Calon serta mendapatkan pengesahan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni/Pengarah Kampus dan Dekan Pusat Pengajian/Penyelia Utama.

A. PENAMAAN CALON SECARA DALAM TALIAN SEPENUHNYA

Pelajar-pelajar berdaftar sepenuh masa Ijazah Pertama dan Ijazah Tinggi yang layak dari semua Pusat Pengajian di Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan, Kampus Kesihatan, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT), IPS USM@KL dan Kampus USM-KLE India boleh mengemukakan Borang Penamaan Calon masing-masing untuk bertanding dalam Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia Sidang Akademik 2022/2023 yang boleh diakses secara dalam talian melalui Sistem ePilih Campus Online pada 28 November 2022 (Isnin), jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang (waktu Malaysia).

B. PROSES PEMILIHAN SECARA DALAM TALIAN SEPENUHNYA

Pelajar-pelajar Ijazah Pertama dan Ijazah Tinggi yang berdaftar sepenuh masa tahun pertama hingga tahun akhir dari semua Pusat Pengajian di Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan, Kampus Kesihatan, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT), Politeknik Port Dickson (HBP-PD), IPS USM@KL dan Kampus USM-KLE India berhak membuat Pemilihan pada 2 Disember 2022 (Jumaat) bermula jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang (Waktu Malaysia) yang boleh diakses melalui Sistem ePilih Campus Online USM.

D. PENJUMLAHAN DAN PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEMILIHAN

Proses Penjumlahan dan Pengumuman Keputusan Pemilihan bagi kerusi-kerusi Konstituensi Pusat-pusat Pengajian dan kerusi-kerusi Konstituensi Umum yang telah dipertandingkan akan diadakan pada 2 Disember 2022 (Jumaat), bermula jam 6.00 petang yang dipancarkan secara dalam talian di FB Live BHEPA USM.

Butiran lanjut berkaitan dengan syarat-syarat penamaan calon dan peraturan-peraturan Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar boleh didapati di Laman Web Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (BHEPA).

Sekian, terima kasih.

PROFESOR DR. AZLINDA AZMAN

Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni

Tarikh Kuat Kuasa: 21 November 2022
No. Fail Rujukan: USM.HEPA.600-3/1/4